

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS.

GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 3  
OGOS

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU  
SET 1  
NASKHAH PENTAKSIR**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **empat** petikan.*
2. *Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan **satu** soalan sahaja kepada setiap calon.*
3. *Calon dikehendaki membaca petikan secara mentalis selama 3 minit di Bilik Menunggu.*
4. *Calon dikehendaki membaca secara mekanis dan menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh pentaksir di Bilik Ujian.*

**AMARAN**

1. Kertas peperiksaan ini ialah Kertas Peperiksaan Tertutup.
2. Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Kertas peperiksaan ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik ujian sebaik sahaja peperiksaan tamat.
4. Ketua Pentaksir hendaklah memastikan kertas peperiksaan ini dikembalikan kepada Setiausaha Peperiksaan setelah peperiksaan tamat.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 Markah]

**TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**ELEKTRIK VS HIDROGEN**

Kenderaan elektrik (EV) digerakkan oleh tenaga daripada pengecasan bateri manakala kereta elektrik sel fuel (FCEV) ialah kereta yang menggunakan tindak balas gas hidrogen dan oksigen melalui medium sel bahan api untuk penghasilan tenaga elektrik bagi pengecasan bateri sebelum digunakan untuk menggerakkan motor elektrik. Jenama kereta yang terkenal dengan kereta elektrik seperti Audi, BMW, Mercedes Benz dan Tesla yang menawarkan model kereta dengan jarak perjalanan bermula sekitar 200 hingga 500 kilometer bagi setiap kali pengecasan bateri. Manakala kereta hidrogen yang komersial pula dikeluarkan seperti Toyota Mirai (2015), Honda Clarity (2016) dan Hyundai Nexa (2018). Jarak perjalanan bagi kereta hidrogen pula adalah sekitar 300 hingga 500 kilometer bagi setiap kali pengisian penuh gas hidrogen.

Dipetik dan diubah suai daripada  
<https://www.hmetro.com.my>

**SOALAN**

1. Bagaimanakah penghasilan tenaga elektrik bagi kereta elektrik sel fuel (FCEV)?
2. Berapakah jarak perjalanan kereta elektrik dan jarak perjalanan kereta hidrogen?
3. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri kereta pada masa hadapan?
4. Huraikan kebaikan-kebaikan penggunaan kereta elektrik?

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 Markah]

**TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**INOVASI**

Inovasi dalam kehidupan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup manusia sejagat. Kita telah hidup dikelilingi oleh hasil inovasi yang selari dengan teknologi terkini. Tamsilnya, pengangkutan yang dinikmati pada hari ini telah memudahkan manusia untuk pergi ke pelbagai destinasi yang diinginkan dalam tempoh masa yang singkat berbanding pada zaman dahulu. Setiap inovasi yang dinikmati pada hari ini juga telah memudahkan manusia untuk menyelesaikan urusan sesuatu pekerjaan. Oleh sebab itu, kualiti kehidupan akan semakin bertambah baik kerana manusia dapat memberikan fokus untuk meluangkan masa kepada perkara yang lebih penting. Kita tidak perlu memikirkan atau menggunakan tenaga untuk pekerjaan yang remeh seperti membasuh pakaian dan menyapu lantai kerana hasil inovasi yang dicipta dapat memudahkan urusan seharian.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Sumber *Internet*.

**SOALAN**

1. Apakah manfaat inovasi dalam kehidupan?
2. Bagaimanakah inovasi dapat membantu kita?
3. Pada pendapat anda, mengapakah inovasi dikatakan memberikan kesan buruk kepada manusia?
4. Jelaskan cara-cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kelestarian hidup melalui inovasi.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 Markah]

**TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**DRON**

Dron merupakan sejenis pesawat udara yang tidak memerlukan juruterbang untuk mengendalikannya. Dron memiliki dua kelainan iaitu sama ada yang dikendalikan secara kawalan jauh, atau diterbangkan secara bebas berdasarkan rancangan penerbangan yang sejak awal-awal lagi telah diprogramkan dengan menggunakan sistem automasi dinamik yang sukar. Pada masa sekarang, kebanyakan dron boleh melaksanakan misi-misi pengawasan dan juga serangan. Dron juga kini semakin banyak digunakan untuk kegunaan awam, seperti memadamkan kebakaran. Dron sering kali digunakan dalam misi-misi yang sangat “bosan, kotor atau berbahaya” untuk sesebuah pesawat yang berpemandu. Dron ditakrifkan sebagai berupaya dikawal dan dikekalkan, penerbangan separas dan dikuasai oleh sebuah jet atau enjin salingan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Dron Teknologi Canggih’  
Sumber *Internet*

**SOALAN**

1. Apakah dron?
2. Nyatakan kegunaan dron yang biasa digunakan pada masa ini .
3. Pada pendapat anda, mengapakah kegunaan dron semakin diperluas penggunaannya?
4. Huraikan keburukan-keburukan dron kepada manusia.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 Markah]

**TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**JENAYAH SIBER**

Perkembangan teknologi boleh membawa keburukan terutamanya jenayah siber seperti kecurian maklumat, penipuan, penyebaran virus, penggodaman, pengubahsuaian program dan sebagainya. Jenayah siber amat berleluasa sekarang ini dan sukar untuk dibendung. Pembendungan jenayah siber secara menyeluruh adalah sukar untuk dicapai. Hal ini dikatakan demikian kerana kelonggaran undang-undang berkaitan dengan jenayah siber telah menyebabkan masalah ini semakin berleluasa. Kecanggihan teknologi telah disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan dengan cara yang mudah. Di samping itu, teknologi juga telah memudahkan penjenayah untuk melakukan jenayah, contohnya dengan penggunaan alat bagi mengesan komputer riba dan telefon bimbit.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Jenayah Siber'  
Sumber *Internet*



**SOALAN**

1. Nyatakan aktiviti yang sering dikaitkan dengan jenayah siber.
2. Mengapakah jenayah siber sukar untuk dibendung ?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah yang seharusnya dilakukan oleh anggota masyarakat untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber?
4. Jelaskan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah jenayah siber.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[30 *Markah*]

**TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan generasi muda hari ini kurang berminat melibatkan diri dalam bidang pertanian.

Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS.

GEMPUR KECEMERLANGAN 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 3  
OGOS

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU  
SET 2  
NASKHAH PENTAKSIR**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan satu soalan sahaja kepada setiap calon.*
3. *Calon dikehendaki membaca petikan secara mentalis selama 3 minit di Bilik Menunggu.*
4. *Calon dikehendaki membaca secara mekanis dan menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh pentaksir di Bilik Ujian.*

**AMARAN**

1. Kertas peperiksaan ini ialah Kertas Peperiksaan Tertutup.
2. Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Kertas peperiksaan ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik ujian sebaik sahaja peperiksaan tamat.
4. Ketua Pentaksir hendaklah memastikan kertas peperiksaan ini dikembalikan kepada Setiausaha Peperiksaan setelah peperiksaan tamat.


Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 Markah]

**TEMA : SEJARAH DAN WARISAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**PERMAINAN TRADISIONAL**

Menurut Profesor Dr. Abdul Muati Ahmad, ramai generasi muda hari ini kurang mengetahui permainan tradisional. Antara permainan tradisional di negara kita seperti batu seremban, congkak, gasing, sepak raga dan wau. Namun begitu, permainan tradisional ini semakin dilupakan. Senario ini merugikan kerana permainan tradisional merupakan khazanah warisan masyarakat Melayu yang mempunyai nilai tersendiri dan perlu dipelihara. Kebanyakan rumah pada zaman dahulu tidak mempunyai televisyen yang menyebabkan anak-anak mengisi masa lapang dengan bermain permainan tradisional. Seiring dengan perkembangan teknologi, kanak-kanak zaman ini lebih suka bermain permainan video berbanding dengan permainan tradisional. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah untuk memastikan permainan tradisional tidak dipinggirkan oleh generasi muda hari ini agar warisan budaya terus diwarisi dan tidak terkubur begitu sahaja.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Dekati Permainan Tradisional'  
oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin.  
<https://www.hmetro.com.my>

**SOALAN**

1. Nyatakan permainan tradisional yang terdapat di negara kita.
2. Mengapakah kerajaan perlu mengambil langkah untuk memastikan permainan tradisional tidak dipinggirkan oleh generasi muda?
3. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional?
4. Jelaskan nilai-nilai murni yang mampu dipupuk melalui permainan tradisional.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 Markah]

**TEMA : SEJARAH DAN WARISAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**TUMBUK KALANG**

Tumbuk Kalang merupakan permainan muzik asli yang diilhamkan daripada kegiatan menumbuk padi dan dikategorikan sebagai permainan rakyat di Negeri Sembilan. Irama dan bunyi yang terhasil adalah daripada tumbukan manja beberapa batang antan ke sebuah lesung kayu. Tumbuk Kalang asalnya dimainkan oleh masyarakat kampung zaman dahulu setelah seharian berpenat lelah menuai dan membanting padi. Pada sebelah malamnya, mereka akan berkumpul untuk membuat emping. Bunyi antan yang bertingkah-tingkah semasa menumbuk emping itu menghasilkan irama yang menghiburkan. Sambil menumbuk padi itu, mereka akan menyanyikan lagu-lagu mengikut bunyi tumbukan antan. Antara lagu yang biasa dinyanyikan termasuklah lagu Tumbuk Emping, Kuda Berontak, Patah Lambung, Tebing Gurut, Petang Petang, Kanding Putu, Tupai Menegur, Gogor Bacang, Kang Kang Kap dan Kambing Berlaga.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Buku Teks Tingkatan 5* halaman 154

**SOALAN**

1. Apakah maksud Tumbuk Kalang?
2. Nyatakan lagu-lagu yang biasa dinyanyikan oleh masyarakat semasa menumbuk padi?
3. Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah untuk memartabatkan permainan muzik asli dalam kalangan pelajar?
4. Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan permainan muzik asli semakin dilupakan oleh generasi muda.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 Markah]

**TEMA : SEJARAH DAN WARISAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**CAKLEMPONG**

Muzik tradisional caklempong merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Alat ini diperbuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan. Pada masa dahulu, caklempong dimainkan semasa upacara pertabalan sultan. Kini, caklempong dimainkan dalam pelbagai situasi, antaranya dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis, dan keraian, malahan turut menjadi muzik iringan bagi pencak silat dan tarian. Setelah melalui tempoh penyelidikan yang agak lama, caklempong diberikan susunan baharu berbanding dengan susunan diatonik ketika awal imigrasi. Dengan bilangan bonang yang telah ditambah menjadi kromatik, kini caklempong turut diiringi alat muzik moden. Malah, dalam sesebuah persembahan berskala besar, caklempong turut diiringi oleh orkestra. Walau bagaimanapun, banyak pendapat yang mengatakan bahawa caklempong perlu dikekalkan keasliannya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Buku Teks Bahasa Melayu, Tingkatan 4* halaman 162



**SOALAN**

1. Nyatakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil.
2. Bilakah alat muzik caklempong biasa dimainkan pada masa ini?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk memartabatkan muzik tradisional?
4. Jelaskan punca-punca muzik tradisional dalam kalangan masyarakat kurang dikenali.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 Markah]

**TEMA : SEJARAH DAN WARISAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**RUMAH WARISAN NEGERI SEMBILAN**

Perubahan budaya dan pengaruh luar daripada masyarakat Minangkabau sedikit sebanyak mempengaruhi reka bentuk seni bina di Negeri Sembilan. Selain itu, kedaerahan atau setempat serta sebab alam turut memainkan peranan penting dalam membentuk tipologi rumah di Negeri Sembilan selain pengaruh kedudukan sosial dan adat istiadat. Hal ini menjelaskan perbezaan rumah warisan Negeri Sembilan dengan negeri-negeri lain. Keunikan yang dapat dilihat pada rumah warisan Negeri Sembilan ini adalah pada rekaan seni bina rumah yang dikatakan campuran daripada pengaruh Minangkabau dan tempatan. Namun, perkembangan rumah warisan di Negeri Sembilan dapat dilihat berdasarkan budaya dan kehendak masyarakat dengan penambahan ruang seperti serambi dan anjung bagi setiap keperluan keluarga. Terdapat perbezaan antara rumah tradisi Minangkabau dengan rumah tradisi Negeri Sembilan terutama daripada reka bentuk bumbung dan ruang rumahnya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Evolusi Rumah Negeri Sembilan'  
oleh Dr. Norhayati binti Ismail,  
*Berita Harian*, 6 Februari 2024

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**SOALAN**

1. Nyatakan keunikan yang dapat dilihat pada rumah warisan Negeri Sembilan.
  
2. Apakah perbezaan antara rumah tradisi Minangkabau dengan rumah tradisi Negeri Sembilan ?
  
3. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengekalkan bangunan lama di Malaysia?
  
4. Jelaskan kepentingan-kepentingan bangunan lama terhadap sektor pelancongan di negara kita.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[30 *Markah*]

**TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

Selain kekurangan modal, pengusaha ternakan ikan menghadapi pelbagai masalah untuk memajukan perniagaan mereka.

Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS.

GEMPUR KECEMERLANGAN 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 3  
OGOS

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU  
SET 3  
NASKHAH PENTAKSIR**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan satu soalan sahaja kepada setiap calon.*
3. *Calon dikehendaki membaca petikan secara mentalis selama 3 minit di Bilik Menunggu.*
4. *Calon dikehendaki membaca secara mekanis dan menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh pentaksir di Bilik Ujian.*

**AMARAN**

1. Kertas peperiksaan ini ialah Kertas Peperiksaan Tertutup.
2. Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Kertas peperiksaan ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik ujian sebaik sahaja peperiksaan tamat.
4. Ketua Pentaksir hendaklah memastikan kertas peperiksaan ini dikembalikan kepada Setiausaha Peperiksaan setelah peperiksaan tamat.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 Markah]

**TEMA : SUKAN DAN REKREASI**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**KEPENTINGAN AKTIVITI REKREASI**

Aktiviti rekreasi biasanya dilakukan pada waktu lapang oleh rakyat Malaysia. Antara aktiviti rekreasi yang biasa dilakukan oleh masyarakat seperti berjoging, berenang dan bermain badminton. Aktiviti ini dijalankan di taman-taman rekreasi dan di tepi pantai. Aktiviti ini banyak memberikan manfaat kepada masyarakat seperti dapat membentuk komuniti yang bukan sahaja sihat dari segi kesihatan malah sihat dari segi perhubungan masyarakat itu sendiri. Selain itu, kepentingan aktiviti rekreasi juga dapat melapangkan minda dan menghilangkan stres. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam mengharungi kesibukan urusan harian dan tekanan belajar, aktiviti ini dilihat sebagai satu penyelesaian kepada kita untuk melapangkan minda daripada urusan pekerjaan. Oleh itu, masyarakat seharusnya berpegang teguh pada prinsip badan sihat otak cerdas.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'ICT dalam Pendidikan'  
oleh Fadzliaton Zainudin,  
*Sumber digital.wordpress.com*

**SOALAN**

1. Apakah aktiviti-aktiviti rekreasi yang biasa dilakukan oleh masyarakat?
2. Nyatakan kepentingan-kepentingan aktiviti rekreasi.
3. Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat dikatakan kurang gemar melakukan aktiviti rekreasi?
4. Jelaskan cara-cara untuk menggalakkan masyarakat berekreasi.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 Markah]

**TEMA : SUKAN DAN REKREASI**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**TEROMPAH TEMPURUNG**

Terompah tempurung merupakan antara permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini. Cara bermainnya adalah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula perlu mengawal tali ketika kaki digerakkan. Permainan ini bukan sahaja bersifat menyeronokkan tetapi dapat menyihatkan tubuh badan dan meningkatkan kekuatan fizikal otot tangan dan kaki kita. Semasa bermain, akan terjadi pengecutan otot terutama di bahagian bawah kaki dan perut yang mengakibatkan kekuatan otot meningkat. Semakin kerap dimainkan, semakin tinggi daya tahan otot tangan dan kaki terhadap rintangan. Selain itu, emosi dan kesabaran dapat dipupuk. Pemain harus bersabar dan terus mengawal keseimbangan badan ketika berdiri dan melangkahkan kaki sedikit demi sedikit sehingga tiba di garisan penamat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Buku Teks Bahasa Melayu,*  
Tingkatan 5, halaman 21



**SOALAN**

1. Nyatakan permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini.
2. Bagaimanakan cara-cara bermain permainan terompah tempurung?
3. Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah bersukan dalam kalangan remaja?
4. Huraikan punca-punca remaja meminggirkan sukan rakyat.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 Markah]

**TEMA : SUKAN DAN REKREASI**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**SUKAN LASAK**

Aktiviti sukan lasak semakin popular di Malaysia. Contoh aktiviti sukan lasak yang menjadi pilihan rakyat Malaysia ialah aktiviti berkayak, memanjat dinding batuan, mendaki bukit, berbasikal dan memandu ATV. Kebaikan menyertai sukan lasak termasuklah menjadikan kita lebih tabah menghadapi segala rintangan dan onak duri dalam kehidupan. Misalnya, apabila mendaki bukit, kita perlulah tabah dan kuat semangat bagi mengatasi apa-apa jua halangan. Aktiviti ini bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal malah mental juga memainkan peranan penting. Tambahan pula, sukan lasak juga mampu menyihatkan badan serta mencerdaskan minda. Apabila badan sihat, kita dapat menjalani kehidupan dengan keadaan yang lebih selesa dan kondusif. Secara tidak langsung, modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dapat dilahirkan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Sukan Lasak di Malaysia'  
Sumber *Internet*

**SOALAN**

1. Nyatakan aktiviti sukan lasak yang menjadi pilihan rakyat Malaysia.
2. Apakah kebaikan aktiviti sukan lasak?
3. Pada pendapat anda, mengapakah seseorang itu perlu menyertai aktiviti sukan lasak?
4. Jelaskan langkah-langkah untuk menggalakkan masyarakat menyertai aktiviti sukan lasak.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 Markah]

**TEMA : SUKAN DAN REKREASI**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**TAMAN TRAMPOLIN**

Lompatan di atas trampolin sangat berkesan untuk sistem kardiovaskular, terutama kesihatan jantung, pengaliran darah dan pembuluh darah. Lompatan ini juga mampu menurunkan berat badan selepas pembakaran kalori. Tidak hairanlah, “Jump Street Asia” kerap menerima kunjungan daripada ahli sukan gimnastik dan mereka yang menitikberatkan soal penjagaan kesihatan. Bagi memperoleh lompatan asas, pelompat yang baru kali pertama mengenal trampolin perlu memahirkan diri melakukan empat jenis lompatan di gelanggang utama, iaitu lipatan atau tuck, celapak, tombak dan pintalan. Undang-undang asas pula termasuk satu trampolin hanya untuk seorang dan pelompat dilarang berlari di kawasan gelanggang. Taman trampolin tertutup ini juga menjadi destinasi yang wajib dikunjungi oleh pelancong, terutamanya dari Perancis, Jepun, Korea Selatan dan Eropah. Kebanyakan rumah di Eropah mempunyai trampolin di halamannya kerana penduduknya sangat prihatin soal kesihatan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Melompat Gembira di Taman Trampolin’  
oleh Zubir bin Muhd Yunus,  
*Berita Harian* 22 April, 2019

**SOALAN**

1. Apakah yang perlu dikuasai oleh pelompat yang baru kali pertama mengenal trampolin?
2. Siapakah yang menjadikan taman trampolin tertutup sebagai destinasi yang wajib dikunjungi?
3. Pada pendapat anda, mengapakah seseorang itu perlu menitikberatkan penjagaan kesihatan?
4. Jelaskan langkah-langkah untuk menggalakkan masyarakat untuk bersukan?

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[30 *Markah*]

**TEMA : PENDIDIKAN**

Pelbagai pihak berperanan penting dalam memberikan pendidikan yang sempurna kepada generasi kini.

Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS.

GEMPUR KECEMERLANGAN 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 3  
OGOS

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU  
SET 4  
NASKHAH PENTAKSIR**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan satu soalan sahaja kepada setiap calon.*
3. *Calon dikehendaki membaca petikan secara mentalis selama 3 minit di Bilik Menunggu.*
4. *Calon dikehendaki membaca secara mekanis dan menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh pentaksir di Bilik Ujian.*

**AMARAN**

5. Kertas peperiksaan ini ialah Kertas Peperiksaan Tertutup.
6. Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
7. Kertas peperiksaan ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik ujian sebaik sahaja peperiksaan tamat.
8. Ketua Pentaksir hendaklah memastikan kertas peperiksaan ini dikembalikan kepada Setiausaha Peperiksaan setelah peperiksaan tamat.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 Markah]

**TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**MASAKAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA**

Masakan dari Malaysia merupakan antara hidangan di dunia yang mencerminkan kepelbagaian budaya. Selain mempamerkan wujudnya masyarakat majmuk di negara ini, masakan Malaysia juga merupakan satu persembahan kulineri yang unik. Menyedari masakan Malaysia mempunyai daya tarikan terhadap pelancong asing, kerajaan Malaysia melancarkan Program Dapur Malaysia (Malaysia Kitchen) pada tahun 2006 bagi mempromosikan negara melalui restoran-restoran Malaysia di seberang laut. Pada tahun 2009, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) mengambil alih pengendalian dan menganjurkan aktiviti pengiklanan serta promosi yang meluas di London dan New York. Usaha Matrade mempromosikan masakan dan restoran Malaysia di New York membuka tirai dengan persembahan empat jenis hidangan makan tengah hari yang disediakan oleh chef terkenal, Zakary Pelaccio yang dibantu oleh chef Malaysia iaitu Hasni Ghazali, Erik Cheah dan Kathy Wong dari Pusat Kulineri Antarabangsa New York.

Dipetik dan diubah suai daripada  
<https://www.portalmalaysia.com>



**SOALAN**

1. Apakah cerminan setiap hidangan masakan dari Malaysia di luar negara?
2. Nyatakan promosi masakan dan restoran yang dilakukan oleh Matrade.
3. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu memperkenalkan makanan Malaysia ke negara luar?
4. Huraikan usaha-usaha untuk mempromosikan makanan Malaysia di luar negara.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 Markah]

**TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**NILAI PATRIOTISME**

Semangat patriotik merujuk kepada semangat cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang. Sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Satu daripada caranya adalah dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik dari bangku sekolah lagi. Perkara ini membolehkan semangat patriotik sebatih dalam diri pelajar seperti kata peribahasa Melayu, melentur buluh, biarlah dari rebungunya. Contohnya pihak sekolah mengadakan program sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah, nyanyian Lagu Negaraku semasa perhimpunan dan sebagainya. Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah tentulah semangat patriotik akan terus diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa. Tambahan pula, amalan ini penting kerana kita dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta akan negara dan tidak melakukan perkara-perkara yang akan memburukkan nama negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
<http://bmspm.net/>

**SOALAN**

1. Apakah maksud semangat patriotik?
2. Mengapakah semangat patriotik perlu dipupuk sejak kecil?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita?
4. Huraikan cara-cara masyarakat menunjukkan semangat patriotik kepada negara?

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 Markah]

**TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**PERPADUAN KAUM**

Tugas paling utama bagi rakyat Malaysia kini adalah untuk memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh. Matlamat itu hanya dapat dicapai jika semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang dapat menjejaskan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Selain itu, semua rakyat perlu terus memperjuangkan usaha membentuk Malaysia yang bersatu padu tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan fahaman politik. Kita hendaklah mengekalkan semangat perpaduan, muhibah, dan patriotisme bukan sahaja ketika meraikan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September, tetapi dalam apa-apa juga jenis aktiviti yang lain. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan negara dengan cara mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan di tanah air ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Perpaduan Kaum untuk Semua'  
oleh Ismail Zuhairi,  
*Pelita Bahasa*, 18 Ogos 2022

**SOALAN**

1. Bagaimanakah cara untuk memastikan keharmonian kaum dan agama di negara kita kekal utuh?
2. Apakah yang perlu dielakkan untuk mempertahankan keamanan negara?
3. Pada pendapat anda, selain meraikan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September, apakah aktiviti-aktiviti lain yang perlu dilakukan untuk mengeratkan perpaduan kaum?
4. Jelaskan peranan pelbagai pihak untuk mengeratkan perpaduan kaum di negara kita.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 Markah]

**TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**HARI KEMERDEKAAN**

Semangat patriotik bermaksud perasaan cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang. Tarikh 31 Ogos 1957 dianggap sangat bersejarah dan membahagiakan seluruh rakyat negara ini ketika itu. Terdapat beberapa aktiviti yang boleh dijalankan untuk menyemarakkan sambutan kemerdekaan seperti pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang, Konvoi Merdeka, Larian Merdeka dan ceramah daripada tokoh yang berjasa kepada negara. Semua aktiviti ini bertujuan untuk menanam semangat patriotik dalam diri. Sebagai rakyat, rasa kesetiaan, kecintaan dan kesyukuran dengan apa-apa yang dinikmati bukan suatu kerugian, sebaliknya manifestasi kepada wajah dan keperibadian kita terhadap negara. Semangat patriotik seharusnya dipupuk sejak tadika berterusan ke peringkat universiti sehingga menjangkau usia warga emas.

Dipetik dan diubah suai daripada  
“Semangat Patriotisme Perlu Dipupuk”  
oleh Sabariah binti A’asari  
*Bh.com.my*, 5 Ogos 2022

**SOALAN**

1. Apakah maksud nilai patriotisme?
2. Nyatakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menyemarakkan sambutan kemerdekaan?
3. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk memupuk nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia?
4. Jelaskan sebab-sebab nilai patriotisme dalam kalangan remaja semakin luntur.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[30 *Markah*]

**TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

Pelbagai manfaat yang akan diperoleh apabila menceburkan diri dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan.

Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS.

GEMPUR KECEMERLANGAN 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 3  
OGOS

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU  
SET 5  
NASKHAH PENTAKSIR**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan satu soalan sahaja kepada setiap calon.*
3. *Calon dikehendaki membaca petikan secara mentalis selama 3 minit di Bilik Menunggu.*
4. *Calon dikehendaki membaca secara mekanis dan menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh pentaksir di Bilik Ujian.*

**AMARAN**

1. Kertas peperiksaan ini ialah Kertas Peperiksaan Tertutup.
2. Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Kertas peperiksaan ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik ujian sebaik sahaja peperiksaan tamat.
4. Ketua Pentaksir hendaklah memastikan kertas peperiksaan ini dikembalikan kepada Setiausaha Peperiksaan setelah peperiksaan tamat.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 Markah]

**TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**LAUTAN DICEMARI PLASTIK**

Pengeluaran plastik dunia meningkat kepada 460 juta tan pada 2009 sekali gus meningkatkan penajaan sisa plastik. Lebih membimbangkan apabila laporan global juga menyebut, hampir lapan juta tan sisa plastik memasuki lautan setiap tahun. Antara sisa plastik yang berasal dari darat ialah beg plastik, botol plastik, puntung rokok, bekas plastik makanan dan minuman dan lampin bayi. Menurut kajian Wilcox pada tahun 2018, kira-kira 52 peratus daripada penyu di dunia tersilap memakan sisa plastik kerana menyangka plastik yang terapung kelihatan seperti sumber makanan utama mereka seperti obor-obor, rumput laut atau alga. Akibatnya penyu sesak nafas dan mati kerana plastik tidak boleh dihadam. Pencemaran plastik boleh memberikan kesan langsung kepada hidupan laut seperti ikan paus, penyu, ikan lumba-lumba, burung laut dan ikan-ikan lain. Plastik juga menyerap bahan kimia berbahaya di dalam air laut terutama bahan cemar organik dan melepaskan perlahan-lahan semasa di dalam perut hidupan laut yang akhirnya boleh menyebabkan keracunan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Alam Derita kerana Tangan Manusia'  
oleh Ilah Hafiz Aziz,  
*Berita Harian*, 7 Jun 2024

**SOALAN**

1. Nyatakan sisa plastik yang berasal dari darat.
2. Apakah kesan langsung pencemaran plastik kepada hidupan laut?
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk memupuk kesedaran menjaga alam sekitar kepada masyarakat?
4. Jelaskan kesan-kesan pencemaran kepada kehidupan manusia.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 Markah]

**TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**BENCANA DAN PERUBAHAN IKLIM**

Saban hari kita disajikan dengan kupasan media massa mengenai isu bencana dan perubahan iklim drastik memberi kesan besar kepada alam sekitar. Hal ini menjadi fenomena global di seluruh dunia seterusnya menyebabkan kepupusan kepada sumber genetik kepelbagaian biologi membabitkan flora dan fauna di sesebuah negara. Walaupun Malaysia diiktiraf sebagai antara 17 negara mega untuk kepelbagaian biologi di dunia, situasi ini menjadi cabaran utama dihadapi oleh penyelidik dan pencinta alam semula jadi kerana peningkatan kepupusan. Hal ini disebabkan kerakusan dan kepantasan aktiviti manusia mengejar pembangunan dan pemodenan hingga mengancam kelestarian alam sekitar. Proses pembukaan tanah untuk pertanian dan perumahan bagi menangani isu pertambahan bilangan penduduk, isu bencana alam dan perubahan iklim dunia menjadi faktor utama menyumbang kepada kehilangan sumber genetik tumbuhan berkepentingan pertanian di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kaji, Bangunkan Khazanah Tumbuhan, Sekuriti Makanan Negara'  
*Berita Harian*, 10 Jun 2024

**SOALAN**

1. Mengapakah isu bencana dan perubahan iklim drastik memberi kesan besar kepada alam sekitar?
2. Nyatakan faktor utama yang menyumbang kepada kehilangan sumber genetik tumbuhan berkepentingan pertanian di negara ini.
3. Pada pendapat anda, mengapakah pembinaan kawasan perumahan menyebabkan pencemaran alam sekitar?
4. Jelaskan kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya suhu dunia semakin meningkat.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 Markah]

**TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**KENAPAKAH LEBAH BERKURANG?**

Meskipun ramai yang takut dengan lebah kerana sengatannya menyakitkan, serangga ini mempunyai peranan penting dalam ekosistem, khususnya dalam biokepelbagaian dan keseimbangan alam sekitar. Bagaimanapun lebah kini berada dalam senarai spesies terancam dan dianggarkan tahap kemusnahan serangga ini telah meningkat 42 peratus. Pegawai Pendidikan Kanan Persatuan Pengguna Pulau Pinang berkata, ketika ini amat sukar untuk menemukan sarang lebah di Semenanjung, malah ramai pemelihara lebah tradisional sendiri mengakui koloni lebah juga semakin berkurangan. Beliau berkata, penggunaan racun perosak pada tanaman, baja sintetik, tanaman yang diubah suai secara genetik dan perubahan iklim antara punca utama populasi lebah di negara ini semakin berkurangan. Penggunaan racun perosak secara berleluasa mengancam kehidupan lebah hingga menyebabkan bilangannya semakin berkurangan, di samping pembangunan tanah secara tidak terancang, turut memberi kesan terhadap habitat serangga mesra pendebunga itu.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kenapakah Lebah Makin Berkurang di Semenanjung'  
*Bernama*, 19 Mei 2024

**SOALAN**

1. Nyatakan tahap kemusnahan lebah sebagai spesies terancam kini.
2. Apakah punca utama populasi lebah di negara ini semakin berkurangan?
3. Pada pendapat anda, mengapakah haiwan dan serangga diperlukan dalam kitaran alam kita?
4. Jelaskan usaha-usaha memastikan spesies haiwan yang sedia ada, tidak pupus .

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 Markah]

**TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**CUKAI KARBON**

Pada dasarnya, cukai karbon merupakan bayaran yang dikenakan ke atas kandungan karbon bahan api fosil, khasnya petrol dan diesel. Matlamatnya umpama serampang dua mata iaitu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan menggalakkan penggunaan sumber tenaga lebih bersih dan mampan. Secara prinsipnya, dengan menetapkan bayaran pada pelepasan karbon, syarikat dan individu mempunyai dorongan atau insentif kewangan mengurangkan impak karbon mereka. Malaysia seperti kebanyakan negara, mempunyai komitmen untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari menjelang 2030. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, Malaysia melancarkan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan kelestarian, tetapi pengenalan cukai karbon boleh memperkuat usaha ini dengan signifikan. Persoalan yang timbul, apakah kepentingan cukai karbon ini? Cukai karbon ini dilihat boleh dijadikan dasar untuk mendorong syarikat dan individu mengurangkan pelepasan karbon mereka. Dengan mengenakan cukai kepada pelepasan karbon, syarikat dan individu menghasilkan lebih banyak karbon akan dikenakan caj lebih tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Pertimbang Laksana Cukai Karbon demi Kelestarian Alam'  
oleh Oswald Timothy Edward,  
*Berita Harian* , 19 Mac 2024



**SOALAN**

1. Nyatakan matlamat pembayaran cukai karbon .
2. Apakah kepentingan cukai karbon?
3. Pada pendapat anda, selain membayar cukai, apakah usaha-usaha lain yang boleh dilakukan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjaga alam sekitar?
4. Jelaskan kesan-kesan yang berlaku sekiranya udara kita tercemar.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[30 *Markah*]

**TEMA : PENDIDIKAN**

Aplikasi e-buku banyak memberikan kebaikan kepada murid-murid.

Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS.

GEMPUR KECEMERLANGAN 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 3  
OGOS

1103/3

**UJIAN BERTUTUR INDIVIDU  
SET 6  
NASKHAH PENTAKSIR**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan satu soalan sahaja kepada setiap calon.*
3. *Calon dikehendaki membaca petikan secara mentalis selama 3 minit di Bilik Menunggu.*
4. *Calon dikehendaki membaca secara mekanis dan menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh pentaksir di Bilik Ujian.*

**AMARAN**

1. Kertas peperiksaan ini ialah Kertas Peperiksaan Tertutup.
2. Kandungan kertas peperiksaan ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Kertas peperiksaan ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik ujian sebaik sahaja peperiksaan tamat.
4. Ketua Pentaksir hendaklah memastikan kertas peperiksaan ini dikembalikan kepada Setiausaha Peperiksaan setelah peperiksaan tamat.


Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 Markah]

**TEMA : KESELAMATAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**KESELAMATAN MAKANAN SUMBANGAN**

Harian Metro melaporkan perkongsian beberapa pengurus tahfiz dan rumah kebajikan yang berkongsi mengenai isu lambakan makanan yang diterima daripada penderma atau penyumbang. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia berkata, penderma perlu memastikan penerima mendapat maklumat awal berkaitan makanan yang hendak disumbangkan dan memastikan makanan yang disumbang diterima oleh penerima bukannya ditinggalkan tanpa pemakluman. Penerima sumbangan makanan pula hendaklah merekodkan maklumat makanan yang diterima dan memastikan makanan yang diterima dalam keadaan baik dan selamat. Penerima perlu mengamalkan tindakan seperti lihat, hidu, rasa semasa penerimaan makanan. Penerima berhak menolak makanan yang diterima sekiranya keadaan makanan sudah rosak, pembungkusan tidak sempurna, tiada maklumat makanan yang disumbangkan dan tempoh penyediaan telah melebihi empat jam. Dalam pada itu, penerima dinasihatkan untuk makan makanan yang disumbangkan dengan kadar segera dan mengelakkan menyimpan makanan melebihi tempoh selamat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Keselamatan Makanan di Rumah Kebajikan dan Pusat Tahfiz'  
oleh Ercy Gracella Ajos,  
*Berita Harian*, 20 Jun 2024

**SOALAN**

1. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, apakah yang perlu dipastikan oleh penderma atau penyumbang makanan?
2. Nyatakan hak penerima sumbangan makanan.
3. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor keracunan makanan berlaku?
4. Huraikan tanggungjawab-tanggungjawab peniaga makanan terhadap makanan jualan mereka .

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 Markah]

**TEMA : KESELAMATAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**PENCEMARAN RACUN SERANGGA**

Kerajaan Negeri Pahang menubuhkan Jawatankuasa Kawalan Keselamatan Penggunaan Racun Makhlu Perosok susulan isu pencemaran racun serangga dalam sayur-sayuran dan buah-buahan di negeri itu. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang berkata, jawatankuasa khas itu yang mengadakan mesyuarat pertama pada Rabu lalu menggariskan beberapa tindakan membabitkan pelbagai agensi di sepanjang rantaian bekalan bermula dari ladang hingga ke pasaran. Tumpuan yang lebih agresif difokuskan di peringkat ladang dengan pengusaha ladang akan dipantau dari segi kepatuhan terhadap perundangan termasuk mendapat kelulusan dan lesen sah untuk beroperasi dan berdaftar dengan Jabatan Pertanian, selain diwajibkan mendapat pensijilan MyGAP. Selain itu, pemilik ladang dan kebun serta pekerja mereka akan dilatih semula dengan pekerja terlatih sahaja dibenarkan mengendalikan racun di ladang, manakala semua pemilik kebun dan ladang akan diwajibkan mempunyai rekod penyimpanan data yang lengkap, bersistematik dan kebolehsesanan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Tangani Isu Pencemaran Racun'  
*Bernama*, 8 Jun 2024

**SOALAN**

1. Nyatakan tumpuan yang lebih agresif perlu difokuskan di peringkat ladang?
2. Apakah yang wajib dipunyai oleh semua pemilik kebun dan ladang?
3. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan racun serangga kepada kesihatan manusia?
4. Huraikan kepentingan-kepentingan makanan yang selamat kepada masyarakat.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 Markah]

**TEMA : KESELAMATAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**KESELAMATAN SIBER**

Sebelum ini kita pernah digemparkan dengan berita penjualan data rakyat Malaysia di alam siber. Laporan media pada tahun 2022 menyebutkan, kes kecurian maklumat peribadi mencecah sehingga 100 juta set data dalam tempoh lima tahun belakangan ini. Hal ini berlaku apabila penggodam mengambil data peribadi pengguna dan menjualnya di jaringan gelap. Nilai untuk jualan data peribadi amat tinggi. Antara teknik yang selalu digunakan penggodam untuk mencuri data peribadi adalah *phishing*. Menerusi teknik ini pengguna menerima mesej atau e-mel yang menyamar sebagai organisasi dikenali umum dan meminta mereka berkongsi maklumat peribadi seperti nombor kad kredit bank, akaun atau kata laluan pengguna. Untuk menjayakan proses pengambilan data ini, mereka mendapatkan kepercayaan dengan mengarahkan mangsa ke laman web yang dinyatakan. Setelah mangsa berkongsi maklumat peribadi mereka, penjenayah menggunakan maklumat peribadi yang diterima untuk tujuan jahat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Cakna Maklumat Keselamatan Siber Elak Kebocoran Data Peribadi'  
oleh Khairi Syafi Khairul Anuar,  
*Berita Harian*, 22 November 2023



**SOALAN**

1. Apakah yang disebut dalam laporan media pada tahun 2022?
2. Bagaimanakah teknik *phishing* ini digunakan oleh penggodam?
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengelakkan pengguna daripada ditipu oleh penggodam?
4. Jelaskan kelebihan-kelebihan mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi maklumat.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 Markah]

**TEMA : KESELAMATAN**

*Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**KESELAMATAN MUSIM BANJIR**

Suruhanjaya Tenaga (ST) memberi peringatan kepada orang ramai supaya lebih berwaspada dan mengutamakan keselamatan berkaitan elektrik dan gas pada musim banjir. ST dalam kenyataan hari ini berkata, pelbagai risiko boleh berlaku akibat situasi banjir antaranya tiang elektrik tumbang, talian elektrik terputus dan kerosakan kelengkapan elektrik dan gas. Sehubungan dengan itu, orang ramai perlu melakukan persediaan sebelum, semasa dan selepas berlakunya musibah banjir. Sekiranya diarahkan untuk berpindah, orang ramai perlu memastikan beberapa perkara dilakukan, pertama menyimpan kelengkapan elektrik di tempat yang tinggi dan selamat daripada ditenggelami air banjir, mematikan suis bekalan utama di papan agihan elektrik, selain menutup injap silinder gas atau gas berpaip. ST dalam kenyataan sama turut memberitahu, langkah keselamatan yang wajar dilaksanakan ketika banjir seperti mengelak daripada melalui kawasan yang mempunyai talian elektrik dan tidak memegang tiang atau apa-apa struktur yang menyalurkan elektrik.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Keselamatan Elektrik, Gas pada Musim Banjir'  
oleh Latifah Arifin  
*Berita Harian*, 17 Disember 2023

**SOALAN**

1. Nyatakan pelbagai risiko yang boleh berlaku akibat banjir.
2. Apakah langkah-langkah keselamatan yang wajar dilaksanakan ketika banjir?
3. Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab banjir kilat berlaku?
4. Jelaskan peranan pelbagai pihak dalam memberikan kesedaran tentang keselamatan ketika berlakunya bencana.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[30 *Markah*]

**TEMA : PENDIDIKAN**

Terdapat pelbagai usaha yang boleh dilakukan untuk memperkasakan mata pelajaran Sejarah.

Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**